



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development, Communications and the Arts

Akta Kebebasan Maklumat 1992 (WA)

Disampaikan oleh Pejabat Pesuruhjaya Maklumat di Wilayah Lautan Hindi

January 2023

Perkhidmatan

Pejabat Pesuruhjaya Maklumat, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan khidmat bebas mengkaji semula merit keputusan yang dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan WA dan kerajaan tempatan Wilayah Lautan Hindi (IOT) tentang permohonan dan permintaan kemudahan meminda maklumat peribadi di bawah *Akta Kebebasan Maklumat 1992 (WA)* (Akta FOI) yang digunakan.

Pesuruhjaya Maklumat juga membantu agensi-agensi Kerajaan WA, kerajaan tempatan IOT dan anggota komuniti untuk memahami hak dan kewajipan di bawah Akta FOI ini.

Apakah ertiannya bagi saya?

Kebebasan Maklumat memberi orang awam hak mendapatkan dokumen-dokumen kerajaan, tertakluk kepada beberapa batasan. Di WA, di bawah Akta FOI, hak ini merangkumi dokumen yang disimpan oleh kebanyakan agensi kerajaan WA (misalnya jabatan, hospital awam, universiti awam dan pihak berkuasa kerajaan WA) dan kerajaan tempatan.

Dokumen yang boleh didapati di bawah Akta FOI merangkumi rekod bercetak, pelan dan lukisan, gambar, rakaman pita, filem, pita video atau maklumat yang disimpan dalam bentuk berkomputer. Agensi-agensi WA dikehendaki membantu pemohon mendapatkan dokumen-dokumen ini dengan kos yang serendah-rendahnya.

Sesiapa sahaja juga boleh memohon agar maklumat peribadi mengenai diri mereka sendiri yang ada pada dokumen kerajaan dipinda jika maklumat itu kurang tepat, tidak lengkap, bukan lagi yang terkini atau mengelirukan.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya:

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6551 7888
E-mel	info@oic.wa.gov.au
Laman web	www.oic.wa.gov.au